

KISAH

PEJUANG KANSER



“KANSER BERULANG BUKAN NOKTAH KEHIDUPAN”

Zuraya Omar, nama insan yang tidak asing dalam kalangan ahli KanWork kerana memiliki semangat juang yang luar biasa dalam menghadapi cabaran kanser. Zu didiagnos kanser payudara pada tahun 2017 di usia 44 tahun, apabila terdapat ketulan di bahagian payudara. Keinginan untuk segera sembuh membuatkan Zu tidak bertanggah menjalani semua rawatan yang disarankan doktor termasuklah pembedahan, kemoterapi dan radioterapi.

Pada tahun 2019, beliau didiagnos dengan kanser kedua yang dikesan melalui pemeriksaan PET Scan. Hasil biopsi mengesahkan bahawa kanser kedua beliau adalah jenis tumor Her2+ yang memerlukan rawatan Terapi Bersasar dengan kos yang tinggi. Bermulalah titik perubahan besar dalam kehidupan Zu.

Rawatan kemoterapi diteruskan sehingga awal tahun 2020 dengan sokongan dan dorongan ibu. Namun, ibu Zu telah pergi menemui Pencipta sebelum Aidiladha pada tahun yang sama. Hilanglah sudah seorang insan yang menjadi sumber kekuatan Zu selama ini.



Awan mendung masih belum jua pergi

Disember 2021, Zu didiagnos sekali lagi dengan kanser untuk kali ketiga. Kanser sudah mula merebak ke bahagian tulang belakang, sternum, pelvik dan juga hati.

Dugaan kali ini lebih berat. Zu sukar untuk bergerak akibat kecederaan tulang belakang. Beliau memerlukan bantuan untuk bangun dan melakukan pergerakan asas kehidupan. Zu dinasihatkan oleh doktor untuk tinggal di hospital sementara menjalani kemoterapi dan rawatan lain sehingga keadaan kesihatan beliau stabil. Semua pergerakan dibantu oleh jururawat dan keadaan ini berlanjutan selama tiga bulan.

Selepas minggu ketujuh, Zu mula boleh mengangkat tangan sedikit demi sedikit dan cuba berlatih berdiri semula pada minggu ke 10 dan berjaya menapak dengan bantuan ahli fisioterapi, jururawat dan "walking frame".

Proses rawatan kali ini tidak selancar seperti yang diharapkan. Ubat kemoterapi silih berganti dalam mencari keserasian dengan keupayaan tubuh untuk menghapuskan sel kanser yang semakin mengganas.

Selepas kemoterapi, pemeriksaan PET Scan dan Magnetic Resonance Imaging (MRI) dilakukan sekali lagi untuk melihat status sel kanser dengan lebih terperinci. Kali ini hampir 90% dapat dihapuskan. Namun, hasil MRI menunjukkan tulang belakang C3 semakin nipis. Keadaan ini menyebabkan tangan dan kaki Zu semakin kebas dan lemah.

November 2022, pembedahan perlu dilakukan untuk memasang titanium bagi menstabilkan cervical spine. Sekali lagi latihan untuk berdiri dan berjalan perlu dilalui. Alhamdulillah keadaan Zu semakin baik selepas pembedahan. Walau bagaimanapun, ujian PET Scan dan MRI masih perlu dijalankan secara berkala.



Zuraya Omar

“Hanya pada Allah tempat kita memohon kembali segala kekuatan, kerana Zu percaya setiap yang berlaku adalah tanda kasihnya Allah kepada hambaNya.”

“Setiap orang mempunyai buku kehidupan masing-masing serta kisah yang berbeza. Jangan tersekat pada halaman yang sama terlalu lama.”

“Memberi sokongan, berkongsi cerita dan mencari rakan sekeliling yang positif membantu membentuk diri Zu untuk kuat menghadapi cabaran kanser.”

Sekali lagi Zu diuji apabila keputusan MRI menunjukkan kanser baharu sudah berada di bahagian otak. Proses rawatan radioterapi terpaksa dijalankan pada Mei dan Ogos 2023. Sehingga kini Zu masih perlu menjalani kemoterapi untuk terus berjuang melawan kanser.



Cabaran kerjaya

Zu bekerja sebagai penasihat teknologi maklumat di sebuah syarikat swasta. Fasa awal kanser, kerjaya bukanlah suatu halangan bagi Zu. Majikan sentiasa memastikan Zu mendapat rehat yang cukup dan mengurangkan bebanan kerja. Rakan sekerja juga sangat positif dan memberi sokongan.

Langit tidak sentiasa cerah, tempat kerja beliau melakukan rombakan organisasi yang mana ketika itu Zu baru sahaja didiagnos dengan kanser kali kedua. Zu diberhentikan kerja dalam tempoh 24 jam yang mana ketika itu beliau sedang menjalani rawatan kemoterapi. Zu merasakan dirinya sudah jatuh ditimpa tangga kerana telah kehilangan sumber pendapatan. Setiap saat beliau tidak berhenti memikirkan bagaimanakah untuk mencari duit bagi menyelesaikan pinjaman yang digunakan untuk menjalani rawatan dan meneruskan kehidupan seharian.

Pampasan pemberhentian kerja agak lambat diterima dan urusan tuntutan insurans yang bermasalah, menambah lagi tekanan Zu ketika itu.

Pengurusan kewangan

Pengalaman dalam pengurusan sistem kewangan telah sedikit sebanyak membantu Zu menghadapi situasi ini. Ilmu yang pernah dipelajari diamati satu persatu untuk menyelesaikan bebanan kewangan yang dihadapi. Rawatan kanser sememangnya memerlukan kos perbelanjaan yang besar.

lanya melibatkan kos pemeriksaan, perubatan, peralatan serta keperluan seperti lampin pakai buang. Zu yang tidak mampu berjalan sepenuhnya, maka peralatan sokongan seperti tongkat dan kerusi roda yang bersesuaian sangat diperlukan. Zu yakin dengan rezeki Allah yang sangat luas.

Selepas didiagnos kanser kali kedua, Zu telah memohon pencen ILAT dan banyak mencari maklumat bagaimana Pencen ILAT dapat dimanfaatkan kepada pesakit kanser seperti beliau.

Tidak bersendirian hadapi kanser

Zu pernah menginap di rumah penjagaan pesakit kerana tiada siapa yang dapat menjaga Zu. Beliau perlu menerima rawatan di Kuala Lumpur dan sukar untuk berulang-alik dari rumah di Seremban. Bagi Zu, menginap di rumah jagaan adalah pilihan yang tepat, namun ia memerlukan kos yang tinggi. Keputusan ini diambil kerana adik beliau bekerja dan pada masa yang sama perlu mengurus ayahnya yang tidak sihat. Zu tidak mahu menambah bebanan adiknya. Selepas beberapa bulan, keadaan Zu semakin pulih dan beliau kembali semula ke rumah. Jiran-jiran turut membantu menyediakan makanan dan mengawasi keadaan Zu di rumah. Rakan-rakan sekolah dan universiti terutamanya MRSM, banyak memberikan sokongan untuk memenuhi keperluan harian semasa rawatan Zu. Mereka turut membuat kutipan khas untuk membantu Zu.



"Zu kau fikir macamana kau nak sihat sahaja. Nanti isu kewangan ke lain-lain, jangan risau. Kami akan bantu dan kami tak akan biarkan engkau seorang terbiar terbaring kat sini", ujar Zu tentang sokongan daripada kawan-kawannya"

Syukur, kini Allah hadirkan seorang adik angkat yang setia dan tanpa berbelah bahagi menemani beliau dan menguruskan Zu apabila berada di rumah.



Kekuatan sebenar datang dari diri sendiri

Zu, seperti pesakit kanser yang lain juga, adakalanya terdetik rasa putus asa untuk menjalani rawatan kanser yang tidak pasti di mana penghujungnya.

Hanya pada Allah tempat kita memohon kembali segala kekuatan, kerana Zu percaya setiap yang berlaku adalah tanda kasihnya Allah kepada hambaNya. Beliau bersyukur diberi kesempatan untuk menunaikan ibadah umrah baru-baru ini.

Zu mengimbas sewaktu kemoterapi, ketika itu rasa tertekan, rakan Zu berbisik,

"Zuraya kau masih hidup tau, jangan jadi mayat hidup".

Kalimat ini sangat pedih diterima, tetapi inilah kata-kata yang memberi semangat untuk Zu apabila berada pada tahap berputus asa. Selagi diberikan nyawa untuk hidup, selagi itulah hidup perlu diteruskan. Perjuangan masih belum selesai.

Nasihat Zu kepada pesakit kanser yang lain jangan putus asa dalam menjalani rawatan kanser, terus kuat, *Enjoy the life* dan berikan manfaat kepada orang lain.

Setiap orang mempunyai buku kehidupan masing-masing serta kisah yang berbeza. Jangan tersekat pada halaman yang sama terlalu lama. Bangkit dan buka halaman baru. Jangan terbenam dalam masalah yang sama, keluar mencari penyelesaian. Memberi sokongan, berkongsi cerita dan mencari rakan sekeliling yang positif juga membantu membentuk diri Zu untuk kuat dalam menghadapi cabaran kanser.

